



25 FEB, 2025

17 kenderaan rosak akibat pokok tumbang



Kosmo, Malaysia

17 kenderaan rosak akibat pokok tumbang

- Melibatkan 9 kereta, 8 motosikal
- Tiada kemalangan jiwa dilaporkan

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB GHANI

KUALA LUMPUR — Suasana tenang di kawasan Flat G9, Seksyen 2 Wangsa Maju di sini tiba-tiba bertukar kecoh susulan kejadian pokok tumbang berhampiran kediaman tersebut kelmarin.

Dalam kejadian pukul 11.43 malam, sebanyak 17 kenderaan dilaporkan mengalami kerrosakan selepas dihempap pokok tumbang.

Pegawai Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Kuala Lumpur, Mejari (PA) Ahmad Junaidi Dukut Soerharto berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu daripada penduduk sebelum sepasukan pegawai dan anggota dikejarkan ke lokasi kejadian.



ANGGOTA APM memotong dan mengalihkan pokok yang tumbang.

Katanya, sebaik tiba anggota merdapatinya beberapa buah kereta yang diparkir bersebelahan flat berkenaan mengalami kerrosakan.

"Anggota APM melakukan kerja memotong dan mengalihkan pokok tumbang.


"Hasil pemeriksaan, sebanyak 17 kenderaan terlibat iaitu sembilan kereta dan lapan motosikal.

"Operasi memotong dan mengalihkan pokok itu dilakukan membabitkan seorang pegawai dan 10 anggota," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan susulan insiden pokok tumbang di lokasi berkenaan.

Dalam pada itu, APM Daerah Kuala Lumpur turut melaporkan satu lagi kes pokok tumbang yang berlaku di Jalan Nipah, Off Jalan Ampang di sini.

Katanya, kes tersebut melibatkan pokok tumbang yang menghempap dua kereta di dalam kawasan parkir serta pagar Kedutaan Republik Korea dan kabel elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).



SEBAHAGIAN kereta yang mengalami kerrosakan selepas dihempap pokok tumbang di kawasan parkir Flat G9, Seksyen 2, Wangsa Maju kelmarin.